

29 JUL 1997

JANGAN LAKUKAN SERANGAN SPEKULATIF TERHADAP RINGGIT: TEGAS MAHATHIR

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pihak-pihak tempatan supaya jangan terlibat dalam serangan spekulatif terhadap ringgit.

Katanya orang sedemikian hanya berminat dalam spekulasi untuk meraih keuntungan untuk diri sendiri dengan tidak memperdulikan kedudukan ekonomi.

"Kita harap mereka tidak akan terlibat dalam amalan itu yang menjejaskan ekonomi kita," katanya kepada pemberita selepas mengadakan satu siri pertemuan dua hala dengan beberapa orang pemimpin kerajaan dari selatan Afrika.

Ditanya apakah bukti yang menunjukkan bahawa George Soros (jutawan kewangan Amerika Syarikat) terbabit dalam serangan spekulatif terhadap ringgit, Dr Mahathir berkata: "Dia mengakui dia melakukannya tetapi dia mendakwa ia bukan kerana Mynamar.

"Tetapi ada bukti yang tidak dapat kita nyatakan.... tidak syak lagi dialah yang melakukannya."

Ringgit menjunam hampir ke paras paling rendah dalam masa empat tahun bila ia turun ke tahap 2.65 bagi satu unit dolar Amerika baru-baru ini, setelah diserang hebat oleh para spekulator terutama sekali dalam beberapa minggu lepas.

Episod itu berlaku sejurus selepas bank pusat Thailand memutuskan untuk "mengapungkan" baht Thai pada 2 Julai. Selepas itu, tiada satupun matawang Asean, termasuk dolar Singapura, terlepas daripada serangan para spekulator.

Perdana menteri berkata bahawa Soros juga mengakui yang dia terlibat dalam Myanmar... yang ia tidak mahu Myanmar menganggotai Asean.

"Dan ia (serangan spekulatif terhadap ringgit) dan kemasukan Myanmar terlalu hampir untuk perkara itu menjadi satu kebetulan.

Pada masa itu, Asean sudah hampir menerima masuk Myanmar, serangan itu dilakukan terhadap matawang negara Asean..."pengaturan masanya terlalu hampir," katanya.

Serangan itu masih belum selesai tetapi dia (Soros) mendakwa yang dia melakukan kerja amal dan bahawa perkara itu tiada hubung kait, kata Dr Mahathir.

Agak sukar bagi kita untuk menyatakan yang ia tiada kaitan langsung, tegas perdana menteri.

"...Dia adalah seorang pemain besar dengan memiliki berbilion dolar Amerika, sudah tentu jika dia menyerang, dia mungkin mengakibatkan kejatuhan ekonomi," tegas Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata soal kewangan itu dibincangkan oleh beliau dan para pegawai Kementerian Kewangan, Bank Negara serta beberapa orang ketua eksekutif bank termasuk ketua pegawai eksekutif dan pengarah urusan Malayan Banking Bhd, Amirsham A. Aziz.

"Kami mengadakan perbincangan sejurus selepas saya pulang ke tanah air daripada bercuti dan saya ingin tahu apa yang sebenarnya sedang berlaku...saya bukanlah pakar kewangan, saya perlu mendengar pendapat mereka.

"Hasil daripada pertemuan itu, kami dapat tahu apa yang sedang berlaku dan kami juga memikirkan apa yang boleh dilakukan," katanya.

Dr Mahathir berkata dia menyokong langkah Bank Negara untuk tidak campur tangan untuk menyokong ringgit kerana tindakan itu akan membabitkan sejumlah wang yang banyak.

Mengenai kedudukan sekarang, beliau berkata: "Pada masa ini, kita masih dapat bertahan ...tetapi hakikatnya ialah kita telah kerugian.

"...Apabila ringgit susut nilai, pendapatan per kapita kita turut turun dan pembelian barangan import meningkat dan oleh itu kita terpaksa mengeluarkan lebih banyak wang, yang mengalir ke luar negara, dan itu akan memburukkan lagi defisit imbalan pembayaran kita."

Ditanya sama ada Soros masih menyerang ringgit, perdana menteri berkata "ringgit dikatakan masih berada di bawah tekanan, jadi saya tidak tahu apa yang dia sedang lakukan". -- BERNAMA

MR SIA